



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

**ISNIN, 10 MEI 2021**

<b>1</b>	Maqis sekat cubaan seludup makanan anjing, kucing
<b>2</b>	Maqis rampas 24,94kg makanan haiwan
<b>3</b>	Maqis saizes imported pet food worth RM 177,000

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9.05.2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

## lokal

# *Maqis sekat cubaan seludup makanan anjing, kucing*

**Pelabuhan Klang:** Cuba seludup masuk makanan anjing dan kucing tanpa mendapatkan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Tindakan itu bagaimanapun mengundang padah apabila ia berjaya dikesan sebelum 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan (*petfood*) diisi dalam dua kontena di Tapak Permeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Barat, dekat sini, dirampas, kelmarin.

Pengarah Maqis Selangor Zamri Hashim berkata, makanan haiwan itu dianggarkan bernilai lebih RM177,000 dan dipercayai berasal dari Turki dan Perancis.

“Rampasan itu dilakukan apabila anggota menjalankan pemeriksaan rutin pada jam 4 petang terhadap dua kontena berkenaan dan mendapat terdapat makanan haiwan untuk kucing dan anjing.

“Semua dagangan seberat hampir 25 tan yang dianggarkan bernilai lebih RM177,000 ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya, semalam.

Beliau berkata, hasil periksaan lanjut mendapati, barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan iaitu tiada sijil notifikasi makanan haiwan.

Katanya, ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

“Mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2), akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9.05.2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	20

## Maqis rampas 24,945kg makanan haiwan



Maqis menahan dua kontena yang mengandungi makanan untuk anjing dan kucing ketika pemeriksaan rutin kira-kira jam 4 petang.

**KLANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua buah kontena yang mengandungi 24,945 kilogram (kg) makanan haiwan bernilai lebih RM177,000 dari Turki dan Perancis di Tapak Pemeriksaan Gudang CFS, Pelabuhan Klang Barat pada Sabtu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Zamri Hashim berkata, kontena yang mengandungi makanan untuk anjing dan kucing itu ditahan ketika pihaknya menjalankan pemeriksaan rutin kira-kira jam 4 petang.

“Hasil pemeriksaan mendapati barang dagangan berkenaan ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan permit, lesen dan perakuan.

“Ia menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, kesalahan ini turut boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2), akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Pihak Maqis akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barang yang dibawa masuk dari luar negara.

“Ini bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9.05.2021	NEWS STRAITS TIMES	NEWS	15

# Maqis seizes imported pet food worth RM177,000

**SHAH ALAM:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) Selangor seized over 24,000kg of pet food from Turkey and France, worth RM177,000, at Westport, Port Klang here on Friday. Director Zamri Hashim said the two containers carrying cat and dog food did not meet the department's import conditions. "It is an offence under Section 15(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 and perpetrators can be punished under Section 15(2) of the same law and upon conviction can be fined not exceeding RM100,000 or imprisoned up to six years or both." **Bernama**